

MAJLIS RESEPSI SECARA MAYA BERSAMA KOR DIPLOMATIK BAGI MEMPROMOSI PENCALONAN ...

Print

MAJLIS RESEPSI SECARA MAYA BERSAMA KOR DIPLOMATIK BAGI MEMPROMOSI PENCALONAN MALAYSIA KE MAJLIS HAK ASASI MANUSIA 5 OKTOBER 2021

Yang Berhormat Dato' Saifuddin Abdullah, Menteri Luar Negeri Malaysia telah menghoskan Majlis Resepsi Secara Maya Bersama Kor Diplomatik bagi mempromosi pencalonan Malaysia ke Majlis Hak Asasi Manusia pada 5 Oktober 2021, menjelang pengundian pada 14 Oktober 2021 semasa Perhimpunan Agung ke-76 Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Resepsi Maya tersebut, yang telah dihadiri oleh lebih seratus orang Duta-duta asing dan ahli-ahli Kor Diplomatik, telah memberi peluang kepada YB Menteri Luar Negeri untuk berkongsi aspirasi dan keutamaan Malaysia sebagai ahli Majlis Hak Asasi Manusia. Antara lain, beliau menekankan pendekatan menyeluruh yang akan diambil oleh Malaysia dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia, terutamanya menerusi mekanisme Penilaian Berkala Sejangat. YB Menteri Luar Negeri turut menekankan komitmen Malaysia dalam melaksanakan kewajibannya di bawah Konvensyen Mengenai Hak Asasi Kanak-kanak (CRC), Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW) dan Konvensyen Mengenai Hak Asasi Orang Kurang Upaya (CRPD). Beliau turut menyentuh tentang inisiatif Malaysia untuk mengkaji instrumen-instrumen teras hak asasi manusia yang lain bagi memastikan pemahaman di peringkat akar umbi.

YB Menteri Luar Negeri juga memberi jaminan bahawa Malaysia akan terus memberikan kerjasama kepada semua mekanisme Majlis Hak Asasi Manusia terutamanya Pelaporpelapor Khas (Special Procedure Mandate Holders, SPMH) dan Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia (Office of the High Commissioner for Human Rights, OHCHR). Bagi pencalonan ke Majlis Hak Asasi Manusia, Malaysia akan memberi penekanan kepada kepentingan dalam memupuk semangat bekerjasama, keterlibatan yang membina dan menyeluruh, telus, saling hidup secara aman dan menghormati antara satu sama lain. Selain itu juga, Malaysia akan turut memberi fokus kepada isu belia, golongan rentan, perniagaan dan hak asasi manusia, perubahan iklim, hak budaya dan Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals, SDG).

Resepsi Maya tersebut turut mendapat sokongan daripada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). YBhg. Tan Sri Othman Hashim, Pengerusi SUHAKAM, dalam ucapan beliau telah menyuarakan sokongan kuat SUHAKAM terhadap pencalonan Malaysia dan ikrar dan komitmen yang telah digariskan oleh Kerajaan ke atas pencalonan tersebut. SUHAKAM juga menyatakan kesediaan untuk bekerjasama dengan Kerajaan dalam usaha mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di bawah Rancangan Malaysia ke-12, serta mekanisme-mekanisme kebangsaan yang lain.

Pencalonan Malaysia ke Majlis Hak Asasi Manusia kali ini telah mendapat sokongan daripada Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dan Kumpulan Rantau Asia Pasifik bagi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Malaysia sebelum ini telah memainkan peranan yang aktif semasa menjadi anggota Majlis Hak Asasi Manusia sebanyak dua kali, iaitu pada 2006-2009 dan 2010-2013. Bagi pencalonan kali ini, dengan bertemakan "In Unity for Humanity", ia memberi gambaran jelas mengenai hasrat Malaysia untuk terus melindungi dan mempromosikan hak asasi manusia di dalam dan luar negara. Malaysia juga akan terus memainkan peranan aktif dan membina dalam menyumbang ke arah kemajuan hak asasi manusia di peringkat global sekiranya terpilih menjadi anggota Majlis Hak Asasi Manusia bagi penggal 2022- 2024.

PUTRAJAYA

5 OKTOBER 2021